

# Kecemerlangan UA tempatan tarik minat universiti antarabangsa



Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Mohd Anzudin Mohd Sanj bhrencana@bh.com.my

Suatu yang menghairankan apabila kita melihat perdebatan mengenai pendidikan tinggi di Malaysia yang sangat berbeza dengan perspektif antarabangsa yang memandang tinggi sistem dan pendidikan tinggi negara keseluruhannya.

Saya menghadiri Persidangan European Association for International Education (EAIE) di Gothenburg, Sweden pada 9 hingga 12 September lalu yang turut dihadiri ratusan universiti serata dunia yang berkumpul untuk membincangkan isu semasa pendidikan tinggi.

Persidangan itu turut menjadi platform untuk mengadakan kerjasama dalam pelbagai aspek seperti pertukaran pelajar dan tenaga akademik, program mobiliti antara universiti dan negara serta sama dari segi mewujudkan program akademik bersama pada peringkat sarjana muda dan pascasiswazah antara universiti.

Banyak juga kerjasama penyelidikan diadakan khususnya melihat penawaran program ERASMUS yang sering diikuti universiti di Malaysia, selain memorandum persefahaman dan perjanjian kerjasama. Secara umumnya, impak dibawakan melalui persidangan ini sangat besar serta memberikan pengiktirafan kepada pendidikan tinggi di Malaysia.

Saya ke sana mewakili Universiti Utara Malaysia (UUM) yang berasaskan tahun ini agak berbeza kerana terdapat permintaan tinggi bagi kerjasama antarabangsa universiti di Amerika Syarikat (AS), Eropah, Amerika Latin dan Afrika.

Misalnya di Eropah seperti London School of Economics (LSE) atau University of London di United Kingdom (UK); Universiti Bordeaux dan Universiti Lille di Perancis; Universiti Jerman mahukan kerjasama dengan UUM kerana yakin program akademik ditawarkan berkualiti dan bertaraf antarabangsa.

Pengiktirafan program di UUM diakreditasi agensi antarabangsa seperti The Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB), Association of MBAs (AMBA) dan ASEAN University Network-Quality Assurance (AUN-QA), selain agensi tempatan seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Antara universiti terkenal mahukan kerjasama dengan UUM ialah Yokohama City University, Jepun; Universiti Fudan, China; Universiti Iskandariah, Mesir, Universiti Depaul dan Universiti Wis-

consin Madison, AS serta banyak lagi universiti.

Apabila ditanya, mengapakah mereka berminat dengan Malaysia khususnya UUM? Pertama, mereka yakin Malaysia sebagai hub kepada pendidikan tinggi di Asia Tenggara yang menyediakan kualiti pendidikan setanding universiti terbaik dunia seperti tercatat pada Penarafan QS dan THE di peringkat antarabangsa.

Kedua, Malaysia juga aman dan kondusif bagi pelajar mengikuti pendidikan tinggi, selain tarikan pelancongan atau *edutourism* menjadi pilihan mereka.

Ketiga, kos pendidikan tinggi di Malaysia juga berpatutan dan kos hidup rendah berbanding negara lain seperti di AS, Eropah, Australia dan Jepun. Sebelum ini, akhbar Jepun, *The Yomiuri Shimbun* bertarikh 18 November 2024 menyatakan pelajar Jepun mula tertarik mengikuti pendidikan tinggi di Malaysia yang dikatakan menyediakan pendidikan tinggi ala British atau kualiti setaraf dengan universiti di UK, tetapi dalam kos lebih yang lebih rendah.

Keempat, dasar pendidikan tinggi jelas dan terbuka kepada percambahan ilmu serta persaingan sihat diberikan kepada pelajar antarabangsa kerana pilihan diberikan kepada pelajar.

Malaysia mempunyai 20 universiti awam (UA) dan beratus universiti swasta berkualiti, selain universiti luar negara juga dibuka di negara ini yang memudahkan pendidikan tinggi berkembang.

Jadi, impak secara langsung adalah peningkatan permintaan terhadap pendidikan tinggi dan kemasukan pelajar serta sarjana antarabangsa ke Malaysia. Ini lumrah pendidikan dunia, penghijrahan pelajar dan sarjana antarabangsa ke sesebuah negara bermula sejak zaman keagungan Islam di Sepanyol dan Baghdad, kemudian Eropah serta AS.

Zaman akan datang, trend terlihat di Asia dan Malaysia secara khususnya. Malaysia juga pernah meletakkan sasaran 250,000 pelajar asing mengikuti

pengajian di universiti tanah air serta sasaran 10 peratus tenaga pengajar di universiti adalah daripada sarjana asing berkualiti.

## Wacana pendidikan tinggi dipolitikkan

Namun, wacana pendidikan tinggi di negara ini dipolitikkan pihak tertentu. Sistem pendidikan tinggi negara jelas amat telus dan melaksanakan meritokrasi dari segi pemilihan pelajar untuk memasuki UA tertentu.

Persaingan itu sihat kerana tempat disediakan juga agak terbatas. Namun, kelebihan dan subsidi pendidikan tinggi negara jelas diberikan khususnya kepada pelajar B40 yang masih memerlukan bantuan kerajaan untuk masuk ke dalam saluran perdana diuruskan Unit Pusat Universiti (UPU).

Persaingan mendapatkan biasiswa juga agak sengit kerana ramai calon berkecukupan dan mempunyai pencapaian pendidikan tinggi. Namun, pelajar cemerlang khususnya mendapat keputusan 4.0 di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) terus akan mendapat tempat di universiti tempatan, malah sebahagiannya mendapat peluang mengikuti pendidikan di luar negara.

Selain itu, pilihan saluran terbuka juga diwujudkan universiti tempatan selepas proses saluran pertama dan rayuan dibuka serta ditutup UA. Pilihan mengikuti pengajian di mana-mana universiti adalah keputusan kita, namun perlu sedar ramal memohon di tempat sama.

Pelajar tidak semestinya dapat tempat dikehajati, namun kualiti pendidikan boleh diperolehi di mana-mana. Saya pernah inginkan masuk Universiti Cambridge untuk ikuti pengajian doktor falsafah (PhD), namun tidak diterima.

Akhirnya, Universiti Cambridge juga mengiktiraf saya apabila menjemput saya menyampaikan sarakarahan umum berkenaan ASEAN di St Catharine's College pada awal tahun ini. Jadi, bersyukur dengan apa yang kita ada, dengan usaha kita, kita akan lebih cemerlang pada masa hadapan.

Sementara itu, terdapat juga isu menghapuskan matrikulasi juga dimainkan. Sistem pendidikan tinggi kita banyak memberi pilihan kepada pelajar untuk memasuki saluran tertentu sebelum ke menara gading.

Ini pilihan yang kita sendiri benarkan melalui pendemokrasian pendidikan tinggi negara. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri memberi jaminan pelajar cemerlang, termasuk bukan Bumiputera pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) misalnya mendapat 10A diberi peluang memasuki matrikulasi.

Sekiranya ada yang menentui penghapusan matrikulasi dan peluang memasuki universiti hanya kepada lulusan STPM, mereka tidak faham akan konsep pendemokrasian pendidikan yang Malaysia amalkan.

Paling penting ialah isu pendidikan tinggi negara janganlah dipolitikkan pihak tertentu. Dunia sekarang memberikan perhatian tinggi kepada pendidikan tinggi negara. Usaha dibawa Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir yang acap kali mempromosikan pendidikan tinggi negara di luar negara jelas menampakkan impaknya.

Ketika kita berusaha menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa, ada pihak mahu memainkan politik pilsan untuk jadi jaguh kampung.

Setiap pihak perlu bersama-sama mendongong agenda pendidikan tinggi negara yang semakin dihormati global. Ini bersesuaian matlamat Malaysia MADANI yang mahukan Malaysia menghasilkan inovasi dan mendongong perkembangan ilmu global berpusat di negara ini.

“Paling penting ialah isu pendidikan tinggi negara janganlah dipolitikkan pihak tertentu. Dunia sekarang ini memberikan perhatian tinggi kepada pendidikan tinggi negara”

